



ANTARA jalan rosak di Taman Melawati yang perlu diperbaiki segera oleh MPAJ. - GAMBAR IHSAN PEMBACA

MPAJ gagal tangani banyak isu

SAUDARA PENGARANG,

SEBAGAI penduduk Taman Melawati yang terletak berhampiran bandar raya Kuala Lumpur, saya semakin bosan dengan pengurusan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang gagal menangani banyak isu dalam kawasan pentadbiran mereka.

Paling ketara adalah isu kualiti jalan raya. Untuk makluman semua, banyak permukaan jalan yang mengalami kerosakan antaranya di Jalan Melawati.

Jalan yang rosak ini mendatangkan bahaya kepada pengguna khususnya penunggang motosikal,

Meskipun sudah banyak aduan dibuat kepada pihak MPAJ, namun tiada tindakan susulan yang berkesan oleh pihak berkuasa tempatan terbabit. Itu belum lagi menyentuh tentang isu-isu lain seperti pembiakan tikus dan kekotoran di

Taman Melawati serta sekitarnya yang semakin buruk. Pihak berkenaan perlu sedar sekiranya masalah tikus ini tidak diatasi berkemungkinan akan menyebabkan penularan penyakit.

Tidak ketinggalan isu pengondolan bukit yang serius akibat kerakusan pembangunan sehingga menimbulkan bantahan penduduk. Janganlah hanya agresif mengutip cukai dan tegas dalam penguatkuasaan parkir tetapi gagal melaksanakan tanggungjawab menyelia dengan baik.

Saya amat berharap 'bos-bos' MPAJ rajin-rajinlah turun padang untuk mengetahui situasi sebenar khususnya di Taman Melawati. Ini bukanlah masa untuk mereka menyusahkan rakyat. Tolonglah bangkit dari lena.

JAFRY JAAFAR
Taman Melawati,
Kuala Lumpur.